



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
PENGURUSAN DANA**

---

## KANDUNGAN

|  |           |
|--|-----------|
| <b>PENDAHULUAN.....</b>                                      | <b>1</b>  |
| Cukai Barang Dan Perkhidmatan Secara Umum (CBP).....         | 1         |
| <b>OPERASI PENGURUSAN DANA SECARA UMUM .....</b>             | <b>1</b>  |
| <b>LAYANAN CBP KE ATAS PERKHIDMATAN PENGURUSAN DANA.....</b> | <b>2</b>  |
| Pengurusan Dana.....   | 2         |
| Belian dan Jualan Saham.....                                 | 2         |
| Skim Pelaburan Bukan Kolektif.....                           | 3         |
| Dana yang diurus oleh Badan Berkanun .....                   | 3         |
| Dana yang diuruskan Sektor Swasta.....                       | 4         |
| Skim Pealaburan Kolektif.....                                | 4         |
| Dana Unit Amanah .....                                       | 4         |
| Amanah Pelaburan Hartanah (REITs).....                       | 7         |
| Syarikat pengurusan atau pengurus dana .....                 | 8         |
| Pengurus Hartanah.....                                       | 8         |
| Perkhidmatan Pengurusan Harta.....                           | 9         |
| Perkhidmatan Pengurusan Pajakan .....                        | 9         |
| Perkhidmatan Pemasaran .....                                 | 9         |
| Pemegang Amanah.....   | 9         |
| Pelabur .....  | 9         |
| Amanah Pelaburan Hartanah Islam (I-REITs) .....              | 10        |
| <b>PERKHIDMATAN PERANTARA LAIN .....</b>                     | <b>10</b> |
| Perancang Kewangan .....                                     | 10        |
| <b>SOALAN LAZIM .....</b>                                    | <b>11</b> |
| <b>MAKLUMBALAS DAN PANDANGAN .....</b>                       | <b>25</b> |
| <b>MAKLUMAT DAN KETERANGAN LANJUT .....</b>                  | <b>25</b> |

## **PENDAHULUAN**

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya terhadap industri pengurusan dana

### **Cukai Barang Dan Perkhidmatan Secara Umum (CBP)**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) yang juga dikenali sebagai Cukai Nilai Tambah di negara lain adalah cukai ke atas kegunaan terakhir barang dan perkhidmatan. Berbeza dengan system cukai jualan yang merupakan satu bentuk cukai seperingkat, CBP adalah cukai berperingkat. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, akhirnya ia akan dipindahkan kepada pengguna. Oleh itu, cukai tersebut tidak merupakan kos kepada perniagaan dan tidak wujud sebagai satu perbelanjaan dalam penyata kewangan perniagaan.

3. Orang yang berdaftar di bawah CBP adalah dikehendaki mengenakan CBP ke atas output pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai yang di bekalkan kepada pelanggannya. Ia dibenarkan membuat tuntutan kredit ke atas apa-apa CBP yang ditanggung ke atas pembeliannya yang merupakan input kepada perniagaannya. Pelanggannya, jika juga dalam perniagaan membuat pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai, boleh juga menuntut kredit ke atas CBP yang dibayar ke atas input. Oleh itu, cukai berganda dapat dielakkan dan hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai.

### **OPERASI PENGURUSAN DANA SECARA UMUM**


4. Perkhidmatan pengurusan dana disediakan oleh pengurus dana yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang dilesenkan di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan kepada institusi, atau individu yang terlibat secara langsung dalam membuat keputusan ke atas pengurusan dana meliputi penyelidikan, nasihat pelaburan, memastikan pematuhan dengan kehendak pengawalseliaan dan juga menyediakan laporan kepada

pelanggan. Pengurus dana menguruskan portfolio dana pelanggan berdasarkan mandat (perjanjian) atau sebagaimana dinyatakan di surat ikatan amanah dana tersebut.

## LAYANAN CBP KE ATAS PERKHIDMATAN PENGURUSAN DANA

### Pengurusan Dana

5. Apabila pengurus dana menyediakan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelanggan, pengurus dana akan mengenakan bayaran pengurusan ke atas perkhidmatan yang disediakan. Bayaran pengurusan dikenakan CBP pada kadar standard.



### Belian dan Jualan Saham

6. Berpandukan kepada perjanjian pengurusan pelaburan yang dibuat di antara pengurus dana dan pelanggannya, pengurus dana bertindak sebagai agen kepada pelanggan apabila menguruskan urusan niaga kewangan pelanggan. Apabila pengurus dana menjualbeli saham untuk pelanggan, pembekalan tersebut adalah pembekalan yang dibuat oleh pelanggan dan bukannya oleh pengurus dana tersebut. Pembekalan ini adalah pembekalan dikecualikan. Sekiranya terdapat bayaran dan

caj yang dikenakan apabila membuat transaksi tersebut seperti bayaran pembrokeran dan penjelasan, bayaran tersebut dikenakan CBP pada kadar standard. Dividen dan pengagihan perolehan pendapatan lain tidak tertakluk kepada CBP.

### **Skim Pelaburan Bukan Kolektif**

7. Skim pelaburan bukan kolektif adalah merupakan dana simpanan dan pencen yang diuruskan oleh kedua-dua badan berkanun dan sektor swasta.

### **Dana yang diurus oleh Badan Berkanun**

8. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Dana Amanah Pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PEKESO), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Dana Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Dana Simpanan Guru adalah di antara contoh dana simpanan dan pencen diuruskan oleh badan berkanun dan ditadbir di bawah akta masing-masing yang menetapkan pemegang amanah bagi dana-dana tersebut. Matlamat utama penubuhan dana tersebut adalah untuk memberi satu bentuk jaminan masa depan ahli-ahli semasa usia persaraan.

9. Apa-apa caruman yang dibuat kepada dana pencen, simpanan atau keselamatan sosial itu oleh mana-mana orang bukan merupakan sebagai pembekalan barang ataupun perkhidmatan dan tidak tertakluk kepada CBP.

10. Untuk menambah manfaat kepada ahli-ahli, aset dari dana tersebut dilaburkan bagi memaksimumkan pulangan ke atas pelaburan. Dana tersebut melantik pengurus dana untuk menguruskan pelaburan itu. Dana yang dilaburkan bagi memaksimumkan pulangan adalah merupakan pembekalan dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP. Pengurus dana akan mengenakan bayaran pengurusan ke atas perkhidmatan yang dibekalkan dan dikenakan CBP pada kadar standard.

11. Apa-apa pengeluaran simpanan yang dibuat oleh ahli, tanggungan atau penama adalah juga tidak tertakluk kepada CBP. Dana yang ditubuhkan kebiasaannya melantik pemegang amanah bagi melindungi kepentingan ahli-ahlinya. Jika pemegang amanah berdaftar di bawah CBP dan mengenakan bayaran

pemegang amanah kepada dana itu, bayaran tersebut dikenakan CBP pada kadar standard.

12. Apa-apa aktiviti pelaburan seperti jualbeli saham adalah dikecualikan daripada CBP. Walau bagaimanapun khidmat perunding, pengurusan atau perantara adalah dikenakan CBP pada kadar standard. Oleh kerana pembekalan yang dibuat merupakan pembekalan dikecualikan, dana tersebut tidak layak menuntut CBP yang ditanggung ke atas inputnya

### **Dana yang diuruskan Sektor Swasta**

13. Seperti dana yang diuruskan oleh badan berkanun, caruman adalah dibayar ke dalam dana pencen yang ditubuhkan dan ditadbir di bawah amanah yang tidak boleh dimansuhkan. Dana tersebut diurus oleh syarikat-syarikat. Aset dana dilaburkan atau sebaliknya digunakan oleh pemegang amanah untuk manfaat dana (dan akhirnya kepada benefisiari) dan manfaat kepada ahli-ahli dibayar keseluruhannya daripada dana itu. Layanan CBP ke atas dana yang diuruskan sektor swasta adalah sama seperti dana yang diuruskan oleh badan berkanun.

### **Skim Pealaburan Kolektif**

14. Skim Pelaburan kolektif adalah termasuk Dana Unit Amanah dan Amanah Hartanah (REIT's).

### **Dana Unit Amanah**

15. Dana unit amanah membolehkan pula pelabur-pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang sama untuk mengumpulkan dana mereka untuk dilaburkan ke dalam pelbagai portfolio ekuiti, pendapatan sekuriti yang tetap atau pelaburan lain yang diuruskan oleh pengurus dana profesional yang dilantik di bawah suatu surat ikatan. Dana itu, yang merupakan orang di bawah CBP, membuat pembekalan dikecualikan dan ia tidak perlu didaftarkan di bawah CBP. Oleh itu apa-apa cukai input yang ditanggung oleh dana seperti bayaran pengurusan, bayaran pemegang amanah dan caj pentadbiran lain tidak boleh dituntut.


16. Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC) merupakan pengurus dana yang dilantik oleh dana untuk mengurus dan melabur dana dikumpul. Aktiviti pelaburan yang dibuat seperti jualbeli saham merupakan pembekalan yang dikecualikan.

17. UTMC boleh melantik ejen yang diberi kuasa, sama ada ejen yang dilantik atau penasihat institusi unit amanah (IUTA) untuk mengagihkan unit-unit dana unit amanah. Sebagai ejen, mereka memperolehi komisen bagi penjualan unit-unit dan komisen jualan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Pengagihan/penjualan unit-unit juga boleh dibuat kepada orang awam melalui perunding unit amanah atau penasihat. Perunding atau penasihat unit amanah memperolehi komisen bagi jualan unit-unit dan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Terdapat juga bayaran dan perbelanjaan yang terlibat dalam menguruskan dana. Bayaran dan perbelanjaan yang dikenakan kepada dana adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

18. Pemegang unit boleh membuat jualbeli unit-unit melalui UTMC atau ejen yang diberi kuasa. Terbitan unit-unit oleh UTMC bukan merupakan pembekalan dikecualikan. Jualan atau penebusan unit-unit itu adalah pembekalan yang dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP. Sebarang caj berasaskan bayaran berkaitan pembelian unit-unit seperti caj jualan atau perkhidmatan dikenakan CBP pada kadar standard. Selain caj jualan atau perkhidmatan, pemegang unit juga boleh menukar atau memindahkan unit. UTMC akan mengenakan bayaran pertukaran atau pemindahan kepada pemegang unit yang tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

19. Penjaga ke atas semua aset dana adalah pemegang amanah yang telah diamanahkan untuk melindungi kepentingan pemegang unit dan menjalankan semua langkah berhati-hati dan bertanggungjawab mengikut peruntukan yang terkandung dengan peruntukan Surat Ikatan Amanah, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan garis panduannya. Perkhidmatan Pemegang Amanah yang dicaj kepada dana adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

**Gambarajah 1: Bagaimana Dana Amanah Beroperasi**



20. Selain daripada dana konvensional, UTMC juga menguruskan dana syariah yang juga merupakan dana pelaburan kolektif yang secara khusus diuruskan mengikut prinsip Syariah. Pengurus dana boleh membuat pelaburan dalam sekuriti tersenarai, sekuriti tidak tersenarai, sekuriti asing, skim pelaburan kolektif lain, kontrak hadapan dan aset cair dengan syarat pelaburan tersebut diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti

21. Layanan CBP ke atas unit amanah berasaskan syariah adalah sama dengan unit amanah konvensional kecuali di dalam perkara bersabit dengan khidmat nasihat dari Majlis Penasihat Syariah seperti yang dimandatkan dalam garis panduan Suruhanjaya Sekuriti. Khidmat nasihat syariah ini bukan merupakan pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.

22. Di dalam unit amanah Islam, ikatan sah dari sisi undang-undang di antara pengurus dana dan pelabur boleh terdiri dari:

- (a) Agensi (wakalah)
- (b) Komisen (ju'alah)
- (c) Perkongsian usahasama (mudharabah)



23. Apa jua perhubungan yang terdapat, pembekalan antara orang berkaitan dengan layanan CBP boleh dirumuskan seperti di bawah:


| <b>PEMBEKALAN</b>  | <b>CBP</b>       |
|--|------------------|
| Khidmat agen (wakalah) atau perkhidmatan berasaskan bayaran yang disediakan oleh pengurus dana | Kadar standard   |
| Pembekalan dana (wang) dari pemegang unit kepada pengurus dana                                 | bukan pembekalan |
| Aktiviti pelaburan oleh pengurus dana bagi pihak pemegang unit                                 | Dikecualikan     |
| Perkongsiang untung hasil daripada pelaburan oleh pengurus dana kepada pemegang unit           | dikecualikan     |
| Khidmat Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah  | dikecualikan     |

#### **Amanah Pelaburan Hartanah (REITs)**

24. Amanah pelaburan hartanah (REITs) adalah juga satu bentuk skim pelaburan kolektif dimana dana daripada para pelabur dikumpulkan dan dilaburkan di dalam portfolio hartanah atau yang berkaitan dengan aset hartanah dan pelaburan-pelaburan yang dibenarkan. Hartanah ini menjana pendapatan daripada sewa yang dipungut daripada penyewa. Pendapatan dalam bentuk dividen akan diagihkan kepada pelabur secara jarak waktu yang berkala selepas perbelanjaan ditolak. REITs diniagakan di Bursa Malaysia supaya pelabur-pelabur mendapat pulangan hasil daripada perubahan harga saham keatas nilai modal REITs di bursa. Memandangkan REITs membuat pembekalan berkadar standard dan pembekalan yang dikecualikan, oleh itu REITs perlu didaftarkan di bawah CBP. Apa-apa cukai input yang ditanggung oleh REITs seperti bayaran pengurusan, bayaran pengurusan hartanah, bayaran pajakan pengurusan dan bayaran pemegang amanah boleh dituntut dengan menggunakan kaedah peraturan pengecualian se para. Sila rujuk kepada *Panduan Ke Atas Pengecualian Se Para* untuk keterangan lanjut.

25. Struktur REITs dan Layanan CBP seperti di gambar rajah 2.

**Gambar Rajah 2: REITs dan Layanan CBP**



26. Dari terbitan unit-unit REITs dana dari pelabur dipungut dan dikumpul serta dilaburkan ke dalam potfolio aset hartanah atau asset hartanah berkaitan dan pelaburan yang dibenarkan. Terbitan unit-unit REITs kepada pelabur merupakan pembekalan yang dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP.

### **Syarikat pengurusan atau pengurus dana**

27. Pengurus dana bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pentadbiran REITs selaras dengan objektif dan strategi pelaburan REITs. Pengurus itu mengenakan bayaran pengurusan ke atas perkhidmatan yang diberi dan bayaran ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

### **Pengurus Hartanah**

28. Pengurus dana melantik pengurus hartanah untuk menguruskan hartanah yang dipegang oleh REITs. Pelantikan ini diluluskan oleh pemegang amanah.

Perkhidmatan yang disediakan oleh pengurus hartanah seperti perkhidmatan pengurusan bangunan, perkhidmatan pengurusan pajakan dan perkhidmatan pemasaran.

### **Perkhidmatan Pengurusan Harta**

29. Perkhidmatan ini adalah termasuk perhubungan dengan penyewa bagi melulus dan menyelaraskan kerja-kerja pemasangan bagi keperluan penyewa, mengkaji semula reka bentuk yang dicadangkan penyewa, membantu penyewa dengan merancang sewaan mereka, menyelia kerja-kerja pemasangan luar, melaksanakan penyelenggaraan rutin, memastikan pematuhan kepada peraturan bangunan dan keselamatan dan menguruskan insuran yang mencukupi. Perkhidmatan ini tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

### **Perkhidmatan Pengurusan Pajakan**

30. Perkhidmatan ini termasuk menyediakan perjanjian sewaan, mengurus kutipan sewa, memulakan tindakan pembaharuan pajakan dan rundingan terma. Pembekalan perkhidmatan pengurusan pajakan dan sewaan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

### **Perkhidmatan Pemasaran**

31. Perkhidmatan ini termasuk membuat pemasaran hartanah kepada orang yang berpotensi menjadi penyewa. Khidmat pemasaran ini tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

### **Pemegang Amanah**

32. Pemegang amanah ialah syarikat amanah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 dan hendaklah bebas daripada syarikat pengurusan. Pemegang amanah dilantik di bawah surat ikatan untuk melindungi kepentingan pelabur dan bertindak sebagai penjaga ke atas semua semua aset milik REITs. Bagi tujuan CBP, perkhidmatan pemegang amanah dikenakan CBP pada kadar standard.

### **Pelabur**

33. Pelabur adalah layak untuk menerima pengagihan pendapatan daripada REITs yang dilaburkan. Pengagihan pendapatan dalam bentuk dividen tidak tertakluk kepada CBP. Apabila Unit-unit REITs didagangkan di Bursa Malaysia, jualbeli REITs merupakan pembekalan dikecualikan dan tidak dikenakan CBP. Walau bagaimana pun komisen atau fi penjelasan jualbeli REITs dikenakan CBP pada kadar standard. Pelabur tidak layak untuk menuntut CBP yang ditanggung keatas jual beli REITs kerana merupakan pembekalan dikecualikan. adalah pembekalan dikecualikan.

### **Amanah Pelaburan Hartanah Islam (I-REITs)**

34. I-REITs beroperasi sama seperti REITs konvensional kecuali penyewa yang mengendalikan hartanah mestilah terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dibenarkan mengikut prinsip-prinsip Syariah. Aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan termasuk perkhidmatan kewangan berasaskan riba (faedah), perjudian, pembuatan atau penjualan produk tidak halal, insurans konvensional, aktiviti hiburan yang tidak dibenarkan berdasarkan prinsip Syariah, pembuatan atau penjualan stok produk berasaskan tembakau, syarikat broker saham atau dagangan saham di dalam sekuriti yang tidak mematuhi Syariah, hotel dan tempat peranginan. Walaubagaimanapun bagi tujuan CBP, layanan ke atas I-REITs adalah sama seperti REITs konvensional.

35. Dalam menjalankan aktiviti yang dibenarkan, I-REITs mendapatkan nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah. Pembekalan khidmat nasihat syariah tidak tertakluk kepada CBP.

36. I-REITs dikehendaki menggunakan skim takaful untuk menginsuranskan hartanahnya. Jika skim takaful tidak dapat menyediakan perlindungan insurans, maka I-REITs dibenarkan untuk menggunakan skim insurans konvensional. Takaful Am atau insurans am tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

## **PERKHIDMATAN PERANTARA LAIN**

### **Perancang Kewangan**

37. Perancang kewangan biasanya menyediakan rancangan kewangan untuk pelanggan mereka. Skop perkhidmatan yang ditawarkan oleh perancang kewangan adalah sangat luas. Sesetengah perancang kewangan menilai setiap aspek keadaan kewangan pelanggannya, termasuk simpanan, pelaburan, insurans, cukai, perancangan persaraan dan harta. Mereka membuat strategi terperinci atau pelan kewangan untuk memenuhi matlamat kewangan pelanggan mereka. Secara umumnya, caj yang dikenakan ke atas khidmat perancangan kewangan berbeza, iaitu ada yang mengenakan bayaran tetap tetapi ada yang dibayar berdasarkan komisen. Walaupun apa caranya caj kewangan dikenakan, perkhidmatan yang dibekalkan oleh perancang kewangan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

## **SOALAN LAZIM**

### **Pengurusan Dana**

**S1: Saya mengurus dana pelanggan untuk melabur dalam portfolio pendapatan tetap. Saya mengenakan bayaran pengurusan tahunan kepada pelanggan saya bagi membuat pelaburan sekuriti. Adakah saya perlu mengenakan CBP ke atas bayaran pengurusan tahunan tersebut?**

J1: Bayaran pengurusan dikenakan CBP pada kadar standard.

**S2: Seperti dipersetujui dalam perjanjian pengurusan pelaburan dengan pelanggan, bayaran prestasi dibayar kepada pengurus dana bagi pelaburan sekuriti yang mempunyai pulangan yang tinggi. Adakah bayaran prestasi ini tertakluk kepada CBP?**

J2: Bayaran prestasi dikenakan CBP pada kadar standard.

**S3: Saya tidak menyediakan perkhidmatan penjagaan bagi dana yang diuruskan. Walaubagaimanapun, saya mengambil perkhidmatan luar bagi perkhidmatan penjagaan itu. Bagaimanapun, pelanggan adalah dikenakan caj ke atas perkhidmatan luar itu. Adakah saya perlu mengenakan CBP ke atas bayaran perkhidmatan penjagaan dari luar tersebut?**

- J3: Caj perkhidmatan penjagaan yang diambil dari luar kepada pelanggan anda dikenakan CBP pada kadar standard tetapi anda boleh menuntut CBP ke atas bayaran penjagaan itu.
- S4: Untuk menguruskan portfolio pelaburan saya perlu membayar komisen pembrokeran kepada broker yang saya berurusniaga. Apakah layanan CBP ke atas komisen broker?**
- J4: Komisen pembrokeran merupakan pembekalan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan anda dan dikenakan CBP pada kadar standard. Anda boleh memungut semula komisen pembrokeran dan CBP daripada pelanggan (pelabur) sebagai pengeluaran bayaran (*reimbursements*).
- S5: Selain daripada perkhidmatan pengurusan pelaburan, saya juga menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan perunding kepada pelanggan berkaitan penubuhan amanah, pencen, pendidikan, dan dana persaraan. Adakah perkhidmatan khidmat nasihat dan perunding dikenakan CBP?**
- J5: Perkhidmatan khidmat nasihat dan perunding dikenakan CBP pada kadar standard.
- S6: Saya seorang pengurus dana berlesen dan telah melantik seorang pengurus dana asing untuk mengurus portfolio dana luar negara. Apakah layanan CBP keatas pengurus dana asing?**
- J6: Portfolio pelaburan asing yang dillaksanakan oleh pengurus dana asing yang dilantik oleh pengurus dana tempatan adalah diluar skop CBP, dan oleh itu tidak tertakluk kepada CP.
- S7: Saya seorang pengurus dana di syarikat pengurusan unit amanah. Saya menjalankan fungsi portfolio pelaburan untuk dana unit amanah. Adakah saya perlu berdaftar di bawah CBP?**
- J7: Memandangkan anda seorang pengurus dana bertugas di syarikat pengurusan unit amanah, anda dan syarikat pengurusan dana adalah di anggap sebagai satu entiti dan oleh itu tidak perlu berdaftar. Bagaimanapun, syarikat pengurusan dana unit amanah anda perlu berdaftar di bawah CBP jika jumlah pusing ganti (*turnover*) bercukai tahunannya melebihi nilai ambang

yang ditetapkan. Jika syarikat pengurusan unit amanah melantik pengurus dana luar, maka syarikat dan pengurus dana luar itu perlu didaftarkan tertakluk kepada nilai ambang yang ditetapkan.

### **Pengagihan Pendapatan**

**S8: Agihan pendapatan dana kepada pemegang unit terdiri dividen yang diperolehi oleh dana dari pegangan pelaburan, faedah atau keuntungan pendapatan (Dana Islam) yang diterima dari pasaran wang dan pelaburan bon, dan keuntungan modal yang direalisasi daripada jualan pegangan pelaburan.Keuntungan modal direalisasikan apabila dana menjual sekuriti pada harga yang lebih tinggi berbanding yang dibayar. Kesemua dividen, faedah dan keuntungan modal diagihkan kepada pemegang unit sebagai pengagihan pendapatan. Apakah layanan CBP ke atas pengagihan pendapatan tersebut?**

J8: Penggihan pendapatan tidak dikenakan CBP.

**S9: Pengagihan pendapatan REITs kepada pemegang unit terdiri daripada dividen atau pengagihan dan keuntungan modal dijana daripada pendapatan sewa dicampur dengan apa-apa peningkatan modal hasil daripada pemegangan aset hartanah bagi suatu tempoh tertentu. Adakah dividen, pendapatan faedah dan keuntungan modal tertakluk kepada CBP?**

J9: Dividen, pendapatan diperolehi daripada faedah dan keuntungan modal tidak dikenakan CBP.

**S10: Dalam menguruskan dana di Malaysia, saya mendapat faedah dan dividen bagi pihak pelanggan saya. Apakah layanan CBP ke atas pendapatan daripada faedah dan dividen tersebut?**

J10: Pendapatan yang diperolehi daripada faedah dan dividen tidak dikenakan CBP.

**S11: Agihan pendapatan boleh juga diagihkan dalam bentuk pecahan unit (*unit splits*) dan agihan pelaburan semula (*reinvestment of distribution*) kepada pemegang unit. Apakah layanan CBP bagi pecahan unit-unit tersebut dan agihan pendapatan yang dilaburkan semula?**

J11: Pecahan unit dan agihan pendapatan yang dilaburkan semula adalah juga merupakan pembekalan yang dikecualikan dan tidak dikenakan CBP.

**S12: Adakah pendapatan seperti dividen dan faedah diperolehi hasil daripada pelaburan yang dibuat di luar negara oleh pengurus dana asing dikenakan CBP?**

J12: Pendapatan dari sumber luar Negara seperti dividen dan keuntungan faedah diperolehi hasil dari direalisasikan daripada pelaburan di luar Malaysia disifatkan sebagai bekalan di luar skop CBP dan tidak tertakluk kepada CBP.

### **Pengagihan Unit**

**S13: Jualbeli unit dalam unit amanah boleh dibuat melalui agen terikat, ejen institusi unit amanah (IUTA) atau broker Dana Dagangan Bursa (Exchange Traded Fund - ETF). Apakah implikasi CBP apabila anda menjual unit dalam unit amanah?**

J13: CBP tidak dikenakan apabila anda menjual unit-unit dalam unit amanah kerana ianya merupakan pembekalan yang dikecualikan.

**S14: Caj perkhidmatan atau bayaran jualan merupakan bayaran (*front-end*) dikenakan oleh pengurus apabila pelabur membeli unit amanah. Adakah caj perkhidmatan / jualan tertakluk kepada CBP?**

J14: Caj perkhidmatan atau caj jualan dikenakan CBP pada kadar standard.

#### **Contoh 1:**

|   | <b>RM</b>   |
|---|-------------|
| NAV bagi 1,000 unit pada akhir niaga harian           | 838.90      |
| Tambah: Caj perkhidmatan / caj jualan (6% x RM838.90) | 50.33       |
| <b>Tambah: CBP (6% x RM50.33)</b>                     | <b>3.02</b> |
| Harga jualan per unit                                 | 892.25      |

**S15: Hanya peniaga (*dealer*) yang menyertai sahaja dibenarkan untuk meminta pengurus untuk mewujudkan dan/atau menebus unit dalam**



**ETF. Peniaga yang menyertai akan menanggung bayaran pemprosesan dan pentadbiran yang dikenakan oleh pengurus dan/atau pemegang amanah bagi mewujudkan dan penebusan unit. Apakah layanan CBP keatas bayaran pemprosesan dan pentadbiran yang dikenakan oleh pengurus?**

J15: Bayaran pemprosesan yang dikenakan oleh pengurus dan bayaran pentadbiran yang dikenakan oleh pemegang amanah bagi mewujudkan atau penebusan unit ETF dikenakan CBP pada kadar standard. Selain bayaran pemprosesan dan bayaran pentadbiran, terdapat juga bayaran yang dikenakan oleh Depositori Bursa ke atas setiap akaun bagi setiap akaun diperuntukkan dengan unit baru dan setiap akaun didebit dengan unit yang telah ditebus. Fi yang dikenakan oleh Depositori Bursa juga dikenakan CBP pada kadar standard.

#### **Jual beli Unit**

**S16: Unit Dana Dagangan Bursa (Unit *Exchange Traded Fund*) (ETF) diniagakan di Bursa Malaysia dan pelabur dikenakan bayaran pembrokeran, duti setem dan bayaran penjelasan daripada perdagangan dengan Sekuriti Bursa. Adakah pembrokeran, duti setem dan bayaran penjelasan tertakluk kepada CBP?**

J16: Dagangan unit ETF di Bursa Malaysia merupakan bekalan yang dikecualikan dan tidak dikenakan CBP. Walaubagaimanapun bayaran pembrokeran dan penjelasan bagi unit ETF yang diniagakan dikenakan CBP pada kadar standard tetapi duti setem tidak tertakluk kepada CBP.

**S17: Perolehan hasil dari keuntungan (*spread*) antara jual beli unit amanah digunakan untuk membayar ejen bagi memasarkan dan mengedarkan unit dan untuk membiayai perbelanjaan syarikat pengurusan unit amanah. Apakah layanan CBP pada perbezaan harga tersebut?**

J18: Hasil perolehan daripada keuntungan diantara harga jualan dan belian unit amanah merupakan pembekalan yang dikecualikan dan tidak dikenakan CBP

#### **Pertukaran dan Pindahan Unit**

**S19: Pemegang unit boleh memindahkan samada kesemua atau sebahagian unit dalam dana kepada pemegang unit yang lain. Bayaran pemindahan akan dikenakan bagi setiap transaksi. Apakah layanan CBP ke atas bayaran pemindahan?**

J19: Bayaran pemindahan dicaj ke atas pemindahan unit adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

**S20: Pemegang unit boleh memindahkan pelaburan mereka antara pelbagai dana berikutan perubahan matlamat kewangan atau keadaan pasaran. Bayaran pertukaran (switching fee) dicaj kepada pemegang unit apabila mereka beralihkan unitnya antara dana. Apakah layanan CBP ke atas 'switching fee'?**

J20: Bayaran pertukaran dikenakan CBP pada kadar standard.

**S21: Bayaran keluar yang hanya terpakai pada dana bon adalah merupakan bayaran akhir ('back end fee') yang ditanggung apabila pemegang unit menebus atau menukar unit pada atau sebelum tempoh pelaburan yang telah ditetapkan. Adakah pengurus perlu mengakaun CBP ke atas bayaran keluar?**

J21: Pengurus perlu mengenakan CBP ke atas bayaran keluar pada kadar standard.

### **Komisen, Perbelanjaan dan Caj**

**S22: Berikutan dengan Tawaran Awal Awam (Initial Public Offering), penaja jamin yang mengurus dan penaja jamin telah bersetuju untuk melaksanakan terbitan unit-unit yang akan diterbitkan dengan komisen dibayar oleh dana. Adakah komisen penaja jamin tertakluk kepada CBP?**

J22: Komisen penaja jamin yang dibayar oleh dana dikenakan CBP pada kadar standard.

**S23: Apakah layanan CBP atas komisen yang saya terima daripada syarikat insurans?**

J23: Anda dikehendaki untuk mengenakan CBP ke atas komisen yang diterima tanpa mengira sama ada produk insurans adalah insurans am atau insurans hayat.

**S24: Perbelanjaan penyenaian seperti bayaran profesional, bayaran pengawalseliaan, perbelanjaan pengiklanan dan percetakan, pembrokeran dan komisen dan perbelanjaan luar jangka adalah ditanggung oleh dana keatas tawaran awal awam. Adakah perbelanjaan penyenaian yang ditanggung oleh dana REITs tertakluk kepada CBP?**

J24: Perbelanjaan penyenaian yang ditanggung REITs dikenakan CBP pada kadar standard.

**S25: Caj pentadbiran seperti kurier atau caj pindahan telegrafik akan dikenakan oleh pengurus bagi urusan kiriman wang ke atas pulangan yang dibeli semula atau wang dikembalikan dalam tempoh hak bertenang ('cooling-off right'). Adakah pengurus perlu mengenakan CBP ke atas caj pentadbiran?**

J25: Caj pentadbiran merupakan pembekalan bercukai dan dikenakan CBP pada kadar standard.

### **Kredit Cukai Input**

**S26: Jika saya membuat keputusan untuk membatalkan pendaftaran dari CBP, adakah saya layak untuk menuntut kredit cukai input bagi pembekalan yang dilakukan sebelum pembatalan pendaftaran?**

J26: Anda boleh menuntut cukai input ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada anda masih berdaftar dengan syarat:

- (a) Anda belum membuat tuntutan cukai input; dan
- (b) Tuntutan cukai input dibuat dalam masa enam tahun daripada tarikh pembekalan atau pengimpotan atau satu tahun daripada tarikh pembatalan pendaftaran, yang mana lebih awal.

Anda tidak boleh menuntut CBP ke atas pembelian yang dibuat selepas pembatalan pendaftaran.

**S27: Akibat daripada pembatalan pendaftaran saya menanggung kos perbelanjaan iaitu caj guaman dan caj perakaunan. Bolehkah saya menuntut kredit cukai input ke atas perkhidmatan yang dibekalkan kepada saya?**

J27: Anda boleh menuntut cukai input ke atas perkhidmatan yang dibekalkan kepada anda dengan syarat perkhidmatan tersebut adalah berkaitan dengan proses pembatalan pendaftaran dan tertakluk kepada tempoh masa tuntutan cukai input.

**S28 Sebagai perancang kewangan, ada masanya saya meraikan pelanggan saya. Bolehkah saya menuntut CBP yang dibayar ke atas perbelanjaan kerajaan?**

J28: Anda boleh menuntut CBP ke atas perbelanjaan kerajaan yang dibuat kepada pelanggan anda yang sedia ada dan inbois cukai hendaklah di bawah nama perniagaan.

**S29: REITs akan menanggung semua perbelanjaan operasi hartanah termasuk bayaran juruaudit dan perbelanjaan, bayaran ke atas penilaian sebarang pelaburan, percukaian, khidmat nasihat, dan kos ubahsuai surat ikatan dana. Semua perbelanjaan ini dikenakan CBP pada kadar standard. Bolehkah REIT boleh menuntut CBP yang telah ditanggung sebagai kredit cukai input?**

J29: REITs layak menuntut cukai input ke atas perbelanjaan yang dibuat sekiranya perbelanjaan itu ditanggung untuk membuat pembekalan bercukai seperti sewaan atau jualan ke atas bangunan perniagaan, lot kedai, kilang dan bangunan perindustriani.

## **Ejen**

**S30: Sebahagian daripada perkhidmatan atau caj jualan yang dipungut oleh pengurus dana dibayar sebagai komisen jualan kepada ejen jualan. Apakah layanan CBP?**

J30: Oleh kerana caj perkhidmatan atau jualan merupakan pembekalan bercukai, ianya adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Bagaimanapun,

anda boleh menuntut CBP yang ditanggung ke atas ke atas komisen yang dibayar kepada ejen yang terikat sebagai cukai input.

**S31: UTMC mungkin menjual alat tulis dan barang lain (contohnya payung) kepada ejen untuk diedarkan kepada pemegang unit sebagai hadiah. Apakah layanan CBP berhubung jualan alat tulis dan artikel lain kepada ejen?**

J31: Jualan alat tulis dan barang lain kepada ejen untuk diedarkan kepada pemegang unit sebagai hadiah dikenakan CBP pada kadar standard.

**S32: Semua ejen yang terikat akan dibayar pada setiap suku tahun bayaran 'trailer' pada kadar yang ditetapkan berdasarkan nilai aset bersih unit dipegang oleh pemegang unit dari bayaran pengurusan tahunan. Adakah bayaran 'trailer' ini tertakluk kepada CBP?**

J32: Apa-apa bayaran 'trailer' yang dibayar kepada ejen terikat untuk perkhidmatan persendirian kepada pemegang unit dianggap sebagai komisen yang dibayar kepada ejen dan oleh itu dikenakan CBP pada kadar standard. Anda tidak boleh menuntut CBP ditanggung atas bayaran sedemikian oleh kerana ia digunakan untuk membuat pembekalan dikecualikan.

### **Perancang Kewangan**

**S33: Saya seorang Perancang Kewangan. Adakah saya perlu berdaftar di bawah CBP?**

J33: Oleh kerana pembekalan anda kebanyakannya terdiri dari pembekalan bercukai iaitu khidmat nasihat dan komisen, anda hendaklah berdaftar jika nilai pusing ganti bercukai tahunan anda melebihi nilai ambang. Jika anda belum melebihi nilai ambang itu, anda mungkin mahu berdaftar secara sukarela.

**S34: Selain perkhidmatan perancangan kewangan, saya menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan penjagaan yang mana saya mengenakan bayaran. Apakah layanan CBP terhadap perkhidmatan tersebut?**

J34: Perkhidmatan khidmat nasihat dan penjagaan itu dikenakan CBP pada kadar standard.

**S35: Selain perancangan kewangan, saya diberi kuasa untuk menjalankan khidmat pemungutan ke atas pendapatan yang diperolehi oleh pelanggan saya daripada portfolio pelaburannya. Saya tidak mengenakan sebarang bayaran ke atas perkhidmatan pemungutan kerana ia adalah sebahagian daripada kontrak. Apakah layanan CBP terhadap perkhidmatan tersebut?**

J35: Oleh kerana anda tidak mengenakan sebarang bayaran ke atas perkhidmatan pemungutan itu dan ia merupakan satu bahagian penting dalam kontrak, anda tidak perlu mengenakan CBP ke atas perkhidmatan pemungutan yang diberi itu.

**S36: Saya menyediakan beberapa perkhidmatan perancang kewangan kepada seorang pelanggan yang merancang untuk melabur wang pencennya dalam dana unit amanah. Selepas beberapa perbincangan, pelanggan saya menukar fikirannya dan saya tidak mengenkannya apa-apa bayaran. Apakah layanan CBP?**

J36: Oleh kerana anda memberi perkhidmatan secara percuma, tiada CBP dikenakan ke atas pembekalan anda.

**S37: Pelanggan saya menghendaki saya mengaturkan untuk dia bagi membeli suatu produk kewangan iaitu unit amanah dari syarikat unit amanah. Adakah perkhidmatan yang saya berikan tertakluk kepada CBP?**

J37: Jika anda mengenakan bayaran untuk mengaturkan bagi pelanggan anda untuk membeli unit amanah, maka bayaran tersebut akan dikenakan CBP pada kadar standard. Bagaimanapun, jika anda tidak mengenakan bayaran kepada pelanggan anda, anda tidak perlu mengenakan CBP ke atas perkhidmatan itu.

### **Simpanan dan Dana Pencen**

**S38: Sebuah syarikat insuran menubuh dan menyenggara suatu dana simpanan bagi pekerja-pekerjanya. Dana itu terdiri daripada sumbangan**

**dari pekerja serta majikan. Objektif dana itu adalah untuk menyediakan bantuan kewangan kepada pekerja apabila mereka menghadapi sebarang bentuk malapetaka. Adakah bentuk perlindungan sebegini dianggap sebagai perniagaan insurans atau takaful atau kumpulan wang simpanan dan apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan kewangan ini?**

J38: Bentuk perlindungan sebegini tidak termasuk dalam skop perniagaan insurans atau takaful, tetapi sebenarnya ianya adalah satu kumpulan wang simpanan yang ditubuhkan oleh syarikat untuk kegunaan masa depan pekerja semasa persaraan dan usia tua. Pengurusan dana oleh syarikat insurans itu bukan merupakan pembekalan jika syarikat itu tidak mengenakan bayaran dalam menguruskan dana tersebut. Oleh itu, CBP tidak terlibat. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat insuran tersebut mengenakan bayaran bagi menguruskan dana, maka bayaran tersebut dikenakan CBP pada kadar standard.

**S39: Adakah skim perlindungan yang disediakan oleh PEKESO seperti skim insurans kecederaan kerja dan skim pencen ketaksahan di bawah pampasan wajib pekerja tertakluk kepada CBP?.**

J39: Skim perlindungan tersebut tidak dianggap sebagai perniagaan insurans atau takaful. PEKESO dikawalselia di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dan adalah sebuah dana yang diuruskan oleh badan berkanun. Oleh itu caruman atau potongan yang dibuat daripada pendapatan pekerja untuk skim ini dan apa-apa tuntutan yang dibuat tidak dikenakan CBP.

### **Insuran Hayat Percuma**

**S40: Kumpulan Insuran Hayat Percuma bersama dengan Insuran Hilang Upaya Kekal dan Keseluruhan serta Insuran Kemalangan Personal Kumpulan yang disediakan oleh pengurus untuk pemegang unit amanah bagi pelaburan minimum yang ditetapkan dalam unit amanah. Adakah pengurus bertanggungjawab untuk mengenakan CBP ke atas insurans hayat percuma?**

J40: Insurans hayat merupakan pembekalan yang dikecualikan dan tidak dikenakan CBP. Manakala insuran kemalangan personal kumpulan dan

insuran hilang upaya kekal dan keseluruhan merupakan pembekalan bercukai dan dikenakan CBP pada kadar standard. Oleh kerana insuran diberi percuma, ia bukan pembekalan dan tidak tertakluk CBP. Walau bagaimanapun jika pengurus membeli insuran hilang upaya kekal dan keseluruhan dan insuran kemalangan personal kumpulan dan dikenakan CBP, dia tidak boleh menuntut CBP yang dibayar oleh kerana ianya membuat pembekalan dikecualikan.

### **Hak bertenang (Cooling-off rights)**

**S41: Hak bertenang (*cooling-off rights*) adalah hak pelabur kali pertama untuk mendapatkan bayaran balik pelaburan dalam dana dengan syarat ia dilaksanakan dalam tempoh hak bertenang. Bayaran balik mestilah tidak kurang daripada jumlah Nilai Aset Bersih pada hari unit pertama kali dibeli. Bayaran balik ini termasuk CBP yang dibayar ke atas caj perkhidmatan atau jualan. Bolehkah saya dapatkan semula CBP yang telah dibayar jika caj perkhidmatan atau caj jualan dipulangkan kepada pelabur dalam tempoh hak bertenang?**

S41: Anda boleh membuat pelarasan yang perlu untuk mendapatkan semula CBP yang dibayar sebagai cukai input apabila anda memulangkan caj perkhidmatan atau jualan bersama CBP kepada pelabur.

### **Layananan CBP ke atas Skim Unit Luar Pesisir**

**S42: Apakah layanan CBP ke atas skim unit amanah luar pesisir?**

J42: CBP tidak dikenakan ke atas terbitan dan penebusan unit-unit amanah luar pesisir. Unit amanah dijual kepada pelabur di dalam Malaysia tetapi di luar Labuan, Langkawi atau Tioman adalah pembekalan dikecualikan dan tidak dikenakan CBP.

### **Inbois Kendiri**

**S43: Biasanya, UTMC akan mengeluarkan penyata kepada pelabur dan mengenakan CBP ke atas caj jualan dan perkhidmatan. Komisen kepada ejen akan dibayar dari caj jualan atau caj perkhidmatan. Syarikat saya telah melantik 100 ejen terikat bagi mengedarkan unit dalam unit**



**amanah. Bagi setiap ejen terikat, saya akan mengeluarkan inbois sendiri dengan catatan komisen yang akan diterima oleh setiap ejen terikat. Bagaimanakah saya boleh tahu samada ejen telah mencapai nilai ambang untuk mengenakan CBP ke atas penyata tersebut?**

J43: Sebelum inbois sendiri diluluskan, semua ejen terikat termasuk ejen terikat yang baru dikehendaki memaklumkan anda mengenai status CBP mereka. Jika ejen terikat berdaftar dengan CBP, anda hendaklah mengenakan CBP ke atas komisen yang diterima oleh ejen. Di samping itu, anda boleh menyemak sama ada ejen berdaftar CBP melalui sistem pertanyaan CBP secara *online*.

### **Campuran Pembekalan Berkadar Standard dan Pembekalan Dikecualikan**

**S44: Berikutan dari khidmat nasihat yang saya berikan, pelanggan saya membeli produk insurans hayat daripada sebuah syarikat insurans. Apakah layanan CBP?**

J44: Jika nasihat anda secara langsung membawa pelanggan anda untuk membeli insuran hayat dan tiada bayaran dikenakan secara berasingan bagi nasihat yang diberi, anda tidak dikehendaki mengenakan CBP ke atas nasihat yang diberi oleh kerana tiada balasan bagi nasihat yang diberi. Oleh kerana insuran hayat merupakan pembekalan dikecualikan, pembelian produk insuran itu tidak tertakluk kepada CBP.

**S45: Apakah layanan CBP jika saya membekalkan khidmat nasihat kewangan dan produk insurans hayat secara berasingan?**

J45: Jika khidmat nasihat kewangan dan produk insurans hayat dibekalkan secara berasingan, khidmat nasihat tersebut dikenakan CBP pada kadar standard manakala produk insurans hayat tidak tertakluk kepada CBP kerana produk insurans hayat adalah pembekalan yang dikecualikan.

### **Bayaran Langganan, Pemeriksaan dan Profesional**

**S46: Adakah CBP dikenakan ke atas bayaran keahlian profesional, contohnya Perancang Kewangan Bertauliah (CFP), MIA, CIMA, dan lain-lain?**

J46: Tiada CBP dikenakan kepada bayaran keahlian profesional.

**S47: Adakah CBP dikenakan keatas bayaran peperiksaan profesional?**

J47: Sebarang bentuk bayaran peperiksaan oleh mana-mana badan profesional dikenakan CBP pada kadar standard.

**S48: Saya mengendalikan kursus profesional mengenai Perancangan Kewangan dan kursus lain yang berkaitan dengannya. Seperti kursus profesional lain yang dijalankan oleh beberapa agensi kerajaan atau swasta, saya mengenakan bayaran untuk kursus latihan. Adakah bayaran latihan profesional tertakluk kepada CBP?**

J48: CBP dikenakan pada kadar standard.

**Caj Tambahan**

**S49: Saya berjaya mendapatkan semula daripada pelanggan saya perbelanjaan yang melebihi jumlah yang saya bayar kepada pihak ketiga. Adakah saya perlu mengenakan CBP ke atas lebih bayaran tersebut?**

J49: Jika anda mendapatkan semula daripada pelanggan anda jumlah lebih bayaran yang dibuat kepada pihak ketiga, CBP perlu dipungut hanya pada lebih pembekalan bercukai sahaja.

**S50: Adakah terdapat CBP ke atas apa-apa caj perkhidmatan tambahan yang berkaitan dengan pembekalan asal?**

J50: Jika perkhidmatan tambahan merupakan pembekalan bercukai, anda dikehendaki mengenakan CBP ke atas caj perkhidmatan tambahan.

**Caj khidmat tambahan**

|                       |               |
|-----------------------|---------------|
| Caj asal:             | RM100.00      |
| Caj khidmat tambahan: | RM20.00       |
| Jumlahcaj:            | RM120.00      |
| <b>*GST @ 6%:</b>     | <b>RM7.20</b> |

**S51: Apakah layanan CBP jika amaun tambahan merupakan caj faedah yang saya bayar bagi pihak pelanggan saya?**

J51: Jika amaun tambahan diperolehi adalah faedah yang dikenakan ke atas pinjaman yang anda atur untuk pelanggan anda, tiada CBP dikenakan memandangkan ia adalah pembekalan yang dikecualikan.

**Lebih ke atas pembekalan yang dikecualikan**

|                                      |          |
|--------------------------------------|----------|
| Faedah sebenar perlu dibayar:        | RM100.00 |
| Jumlah lebihan dipungut atas faedah: | RM50.00  |
| Jumlah caj:                          | RM150.00 |

**MAKLUMBALAS DAN PANDANGAN**

38. Maklumbalas atau pandangan amatlah dihargai. Maklumbalas dan pandangan anda boleh email kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m\_hisham.nor@customs.gov.my) or Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

**MAKLUMAT DAN KETERANGAN LANJUT**

39. Keterangan lanjut boleh didapati dari:

- (a) Laman sesawang CBP: [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
  - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
  - Faks : 03-78067599
  - Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)